

EMULSION BENZYL BENZOATE

Benzyl Benzoate (25% w/v)

Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Emulsion Benzyl Benzoate
2. Bagaimana Emulsion Benzyl Benzoate berfungsi
3. Sebelum menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate
4. Cara menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate
5. Semasa menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Emulsion Benzyl Benzoate
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengilang
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Emulsion Benzyl Benzoate

Ubat ini digunakan untuk merawat penyakit kudis buta. Kudis buta ialah letusan kulit yang gatal yang disebabkan oleh hama di dalam kulit. Kegatalan ini selalunya bertambah teruk selepas mandi dan pada waktu malam.

Bagaimana Emulsion Benzyl Benzoate berfungsi

Apabila Emulsion Benzyl Benzoate disapukan pada kulit, ianya akan diserap ke dalam tisu kulit. Benzyl Benzoate tidak merbahaya kepada manusia tetapi adalah racun untuk hama yang yang menyebabkan kudis buta pada kulit.

Sebelum menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda dilarang menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate jika anda hipersensitif terhadap Benzyl Benzoate atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang tersenarai di bahagian akhir risalah ini.

- Sebelum mula menggunakan

Jika anda tidak pasti sama ada anda boleh menggunakan ubat ini, sila rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

Kehamilan dan Menyusu

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda hamil, mungkin hamil atau menyusukan anak.

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati jika anda boleh menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate sewaktu anda hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk yang tidak memerlukan preskripsi dari farmasi, pasar raya atau dari sumber lain.

Cara menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate

Sentiasa ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Jika anda musykil dengan cara penggunaan ubat ini, rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Seisi rumah anda atau sesiapa sahaja yang berhubung rapat dengan anda perlu dirawat dengan Emulsion Benzyl Benzoate pada masa yang sama. Ini bagi mengelakkan penjangkitan semula oleh orang di sekeliling anda. Penyakit kudis buta senang berjangkit.

Panduan menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate

- i. Gosok dengan air panas dan sabun. Ini akan membantu membuka liang-liang di mana hama boleh dijumpai.
- ii. Sejurus selepas mengeringkan badan anda, sapu Emulsion Benzyl Benzoate diseluruh badan bermula dari leher ke bawah
- iii. Alternatifnya, 3 sapuan boleh dibuat dalam selang 12 jam.
- iv. Mandi semula secara menyeluruh dan tukar kepada baju yang bersih.

Jika anda menyapu losyen ini pada orang lain, pastikan anda membasuh tangan sebelum dan selepas penyapuan tersebut atau gunakan sarung tangan pakai buang.

Ubat ini hanya untuk penggunaan luaran sahaja. Jangan makan ubat ini.

Jangan sentuh mata sehingga anda selesai membasuh tangan.

- Berapa banyak perlu digunakan

Sapu satu lapisan nipis ke seluruh badan anda.

Orang dewasa mungkin memerlukan 120-180ml manakala kanak-kanak 60-90ml bagi setiap sapuan.

Jika anda telah tersapu Emulsion Benzyl Benzoate dengan banyak, basuh sahaja lebihan tersebut.

- Bila perlu digunakan

Tiga sapuan boleh dibuat dalam selang 12 jam.

- Berapa lama perlu digunakan

Jika keadaan kulit anda tidak bertambah baik dalam beberapa hari, rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa untuk menggunakan ubat ini, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Jika ianya sudah hampir waktu untuk dos seterusnya, tunggu sahaja untuk penggunaan tersebut dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan gandakan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda atau orang lain telah mengguna dos berlebihan, dapatkan rawatan perubatan di Bahagian Kecemasan hospital berdekatan dengan segera. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan Emulsion Benzyl Benzoate

- Perkara yang perlu dilakukan

- Semua peralatan tempat tidur dan pakaian perlu dinyahjangkit atau dicuci dengan air panas berasingan daripada pakaian lain
- Cuci tangan anda sebelum dan selepas menggunakan ubat ini
- Maklumkan juga kepada doktor atau ahli farmasi berkaitan ubatan lain yang anda sedang ambil, sama ada dipreskripsi dan tanpa preskripsi.

EMULSION BENZYL BENZOATE

Benzyl Benzoate (25% w/v)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Elakkan Emulsion Benzyl Benzoate daripada terkena mata, telinga dan bibir anda.
- Jangan berikan Emulsion Benzyl Benzoate kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom dan keadaan yang sama.
- Jangan gunakan ubat ini untuk merawat masalah lain melainkan atas arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- Elakkan ubat ini terkena muka, membran mukus (contohnya lubang hidung, mulut, dan kawasan kelamin) dan terutamanya luka kulit atau radang kulit.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya berlaku iritasi, sensitiviti atau tindak balas alahan, hentikan penggunaan ubat ini dan segera maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan Sampingan

Emulsion Benzyl Benzoate boleh menyebabkan iritasi terhadap sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra www.moh.gov.my (Public→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Emulsion Benzyl Benzoate

- Penyimpanan

Simpan semua ubat-ubatan jauh dari penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang tertera di kotak.

Simpan di tempat bersuhu bawah 25°C. Tutup botol dengan ketat. Jauhi dari cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak

diperlukan. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian pekat, sekata berwarna putih susu dan mempunyai bauan kacang badam.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Benzil Benzoat 25% w/v

- Bahan tidak aktif:

- Propyl Paraben
- Methyl Paraben
- Emulsifying Wax
- Purified Water

- Nombor MAL:

MAL19912235XZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13/04/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)090418/00098